



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA MALAYSIA DAN REPUBLIK RAKYAT CHINA MENGENAI KERJASAMA TELEKOMUNIKASI DIGITAL

Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC) hari ini telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh saya selaku Menteri Komunikasi dan Multimedia dan TYT Zhang Yunming, Timbalan Menteri Industri dan Informasi Teknologi China bersempena dengan Persidangan Plenipotentiary Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa 2022 (ITU PP22) yang sedang berlangsung bermula pada 26 September hingga 14 Oktober 2022 di Romania.

Antara bidang kerjasama yang telah dipersetujui oleh Malaysia dan RRC melalui MoU ini adalah berkenaan 5G, ekonomi digital dan keselamatan siber. Susulan pemeteraian MoU mengenai kerjasama telekomunikasi digital ini, kedua-dua negara dijangka akan menerokai potensi kerjasama dalam teknologi aplikasi 5G, menggalakkan kerjasama dalam e-dagang, inovasi syarikat pemula, pengkomputeran awan, data raya, kecerdasan buatan, Internet pelbagai benda (Internet of Things), aplikasi Internet dan teknologi digital lain serta kerjasama dalam polisi, piawaian, tindak balas kecemasan, teknologi sekuriti data, latihan serta kesedaran berkaitan keselamatan siber.

Kerjasama ini dijangka memberi nilai tambah kepada Malaysia dengan mengambil kira perkembangan pesat industri teknologi maklumat di RRC. Kedua-dua negara dapat menimba ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam bidang 5G, keselamatan siber dan ekonomi digital. Selain itu, kerjasama RRC untuk berkongsi amalan terbaik, pengalaman dan kepakaran melalui inisiatif bersama dapat membantu meningkatkan kepantasan dan kesiapsiagaan ekosistem keselamatan siber dan pendigitalan negara terutamanya dalam menghadapi era Revolusi Perindustrian 4.0.

Komitmen pertukaran ilmu pengetahuan dan amalan terbaik antara kedua-dua negara bukan sahaja mampu mempertingkatkan daya saing dan merancakkan pertumbuhan ekonomi digital negara malah ia berupaya bertindak sebagai faktor penarik kepada pelaburan pembinaan modal insan dan penyelidikan. Hubungan kerjasama ini akan membantu Malaysia untuk memperkasakan ekosistem ekonomi digital yang lebih berkualiti. Pada masa yang sama, ia secara tidak langsung akan merangsang pertumbuhan ekonomi digital tempatan dan menyumbang kepada ekonomi negara pada masa hadapan sejajar dengan agenda untuk menjadikan Malaysia hab industri berteknologi tinggi.

**TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

28 September 2022